

PANDUAN MENANAM KANGKUNG

PENYEDIAAN TANAH

Tanah perlu dibajak dan digembur dua kali sedalam 15-20 cm. Kemudian batas yang berukuran 1.2 m lebar, 7.5 m panjang dan 20-30 cm tinggi disediakan. Alur dibuat merintangi batas dengan jarak 20cm dan sedalam 3cm untuk menabur benih.

MENANAM

Biji benih kangkung boleh ditanam terus ke atas batas. Sebanyak 46 g biji benig sebatas (30 kg biji benih sehektar) ditabur jarang-jarang ke dalam alur-alur. Selepas 10 – 14 hari, penjarangan dibuat mengikut ukuran yang di syorkan, iaitu 20 cm antara baris (alur) dan 10 cm antara pokok.

PEMBAJAAN

Bagi tanah mineral, baja organan digaulkan ke dalam batas untuk menentukan kesuburan pokok. Pembajaan yang disyorkan adalah seperti berikut:-

Pusingan	Masa	Jenis Baja	Kadar/Batas (7.5m x 1.2m)	Kadar/ha
1	Sebelum menanam	Baja Organan	6 kg	4 tan
2	2 minggu	NPK 15:15:15	0.4 kg	0.25 tan
3	3 minggu	NPK 15:15:15	0.5 kg	0.25 tan

PENGAIRAN

Kangkung memerlukan air yang banyak untuk tumbesarnya. Penyiraman air dua kali sehari dalam musim panas, secara manual atau sistem pengairan renjis adalah disyorkan.

KAWALAN RUMPAI

Kawalan rumpai dilakukan secara manual dengan kadar dua kali sepanjang umur pokok. Racun glufosinate ammonium boleh digunakan di keliling batas dan parit.

KAWALAN SERANGGA DAN PENYAKIT

Kangkung jarang diserang oleh serangga. Penyakit utama yang menyerang adalah:-

Karat Putih (*Albugo pomoeae aquatica*) – Amalkan tanaman giliran. Sembur racun mancozeb.

PENGUTIPAN HASIL

Kangkung boleh dipungut hasilnya 30 hari selepas ditanam. Pokok dicabut bersama akar dan dibasuh dalam air. Pengeluaran hasil adalah di antara 10-15 tan/ha. Purata hasil dianggarkan sebanyak 12 tan/ha.

KAWALAN PENYAKIT DAN SERANGGA

Untuk kawalan ulat pengorek buah sembur jika perlu dengan racun serangga seperti carbaryl, 0.1 % bahan aktif.

Untuk kawalan bintik berpusar, sembur dengan mancozeb, 0.1 % b.a.

PENUAIAN

Di Ladang

Pungutan hasil pertama ialah pada 6 minggu selepas menanam. Kutip kacang sebelum biji terbunjur. Kutip 2 hari sekali dalam masa 6 minggu. Hasil dianggarkan sebanyak 100 hingga 175 kg bagi 100 meter persegi. Dengan harga purata antara RM 4 – RM 6 /kg

Dalam Pasu dan Bekas

Anggaran hasil ialah 0.5 kg sepokok.